

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**

**DARIPADA** : **YB TUAN WONG CHEN**  
**[ KELANA JAYA ]**

**SOALAN** :

Tuan Wong Chen [ Kelana Jaya ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada basikal-basikal akan dibenarkan ke dalam kereta api komuter. Adakah Kerajaan bersetuju untuk menyediakan tempat letak khas untuk basikal di semua stesen komuter dan kereta api.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini basikal jenis berlipat (*folding bicycle*) sahaja dibenarkan dibawa ke dalam semua sistem rel bandar, iaitu Komuter, LRT Laluan Kelana Jaya, LRT Laluan Ampang dan Monorel, tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh pihak operator. Pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) juga sedang meneliti perancangan untuk membenarkan basikal jenis biasa (*standard bicycle*) di masa hadapan.

2. Dari segi kemudahan tempat letak khas basikal, stesen-stesen LRT Laluan Kelana Jaya yang mempunyai kemudahan ini adalah Stesen Abdullah Hukum, Kampung Baru, Damai, Gombak, Taman Melati, Wangsa Maju, Sri Rampai, Setiawangsa, Dato' Keramat, Kelana Jaya, Taman Bahagia, Taman Paramount, Asia Jaya, Taman Jaya, dan Universiti.

3. Manakala stesen-stesen di LRT Laluan Ampang yang mempunyai kemudahan ini adalah stesen Sentul, Sentul Timur, Salak Selatan dan Ampang.

4. Sementara itu, bagi LRT Laluan Kelana Jaya di bawah projek Projek Penyambungan Jajaran LRT (*LRT Line Extension Project*), stesen-stesen yang mempunyai fasiliti ini adalah stesen Ara Damansara, Glenmarie, Subang Jaya, USJ 21, Alam Megah dan Subang Alam. Manakala untuk LRT Laluan Ampang di bawah projek yang sama, stesen-stesen yang mempunyai fasiliti ini adalah stesen Awan Besar, Muhibbah, Alam Sutera, Kinrara BK 5, IOI Puchong Jaya, Pusat Bandar Puchong, Taman Perindustrian Puchong, Puchong Perdana, Puchong Prima dan Putra Height.

Sekian terima kasih.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS** : **TUAN WONG CHEN**  
**DARIPADA** [ **KELANA JAYA** ]

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Wong Chen [ Kelana Jaya ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci perbelanjaan bagi penyenggaraan sekolah-sekolah di daerah Petaling.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi tahun 2015, sebanyak RM4.40 juta telah diperuntukkan untuk menyelenggara 222 sekolah di daerah Petaling.